

ENCIK TEO CHEE HEAN: Bercakap dalam forum 'China dalam Perintah Sejagat Peralihan' anjuran Institut Asia Timur Universiti Nasional Singapura bagi meraikan ulang tahunnya yang ke-20. – Foto fail



DPM Teo: Kepentingan bersama S'pura-China lebih besar daripada perbezaan pandangan

KEPENTINGAN bersama Singapura dengan China dalam membina sebuah rantau yang aman dan maju lebih besar berbanding perbezaan pandangan sesekali antara dua negara itu, kata Timbalan Perdana Menteri Teo Chee Hean, semalam.

Kedua negara mempunyai hubungan yang luas dan lama, me-

ngongsi pandangan serupa tentang kebanyakan isu dan bekerjasama dengan baik bagi memajukan kepentingan bersama itu, kata Encik Teo, yang juga Menteri Penyelaras Keselamatan Negara.

"Namun begitu, dalam kalangan jiran dan rakan rapat juga akan terdapat perbezaan perspektif mengenai beberapa isu, memandangkan negara tersebut berbeza saiz dan mempunyai sejarah, kelemahan dan kedudukan geografi berlainan," katanya.

Encik Teo berkata demikian dalam forum 'China dalam Perintah Sejagat Peralihan' anjuran Institut Asia Timur Universiti Nasional Singapura bagi meraikan ulang tahunnya yang ke-20.

Kedudukan asas Singapura dan China adalah mereka mengongsi kepentingan bersama dalam perkembangan dan pembangunan aman dua negara itu dan rantau, dan perkara itu kekal sama, kata Encik Teo.

"Singapura akan terus menjadi penyokong kuat dan berprinsip bagi pembangunan aman dan pendekatan konstruktif China," tambahnya.

Encik Teo turut menyentuh hubungan antarabangsa dan politik dalam negeri di Asia Timur dan bercakap tentang kemajuan China daripada aspek ekonomi, sosial dan politik.

Ucapan Encik Teo itu dibuat di tengah-tengah persepsi oleh beberapa pihak bahawa hubungan Singapura-China kini dalam masalah menyusuli laporan media yang membuat andaian tentang mengapa Perdana Menteri Lee Hsien Loong tidak menghadiri sidang One Belt, One Road di Beijing minggu lalu.

Singapura diwakili Menteri Pembangunan Negara menrangkap Menteri Kewangan Kedua, Encik Lawrence Wong.

Dalam ucapannya itu, Encik Teo menyebut tentang pertukaran peringkat tinggi antara kedua-dua negara.

Pada Februari lalu, beliau dan Naib Perdana Menteri China Zhang Gaoli mempengerusikan bersama mesyuarat Majlis Bersama bagi Kerjasama Dua Hala ke-13 di Beijing. Minggu lalu, Encik Teo dan anggota Politburo dan Menteri Jabatan Organisasi Jawatankuasa Pusat, Encik Zhao Leji, menerajui Forum Singapura-China mengenai Kepimpinan Keenam di Singapura.

Encik Teo juga mengulangi pendirian Singapura mengenai Taiwan dan Hongkong.

"Hubungan rentas selat kian menjadi lebih rumit sedang politik di Taiwan menjadi lebih rumit.

"Singapura sentiasa mengekalkan dasar Satu China kami," katanya, sambil menambah bahawa negara itu rakan lama kedua pihak dan akan terus menyokong pembangunan aman dan stabil hubungan rentas selat.

Mengenai Hongkong pula, yang baru-baru ini melantik ketua eksekutif baru, Encik Teo berkata kestabilan dan kemakmurannya terjamin baik di bawah rangka kerja "satu negara, dua sistem".